

Pemugaran Tradisi Ilmu-Ilmu Islam: Satu Wawasan Ketamadunan

oleh:

Mohd Zaidi Abdullah

(mzaid@ilhamkanku.com.my)

Pengasas-Penyelidik, Pusat Ulum Pondok Dan Pencerahan Tamadun,
Shah Alam, Selangor.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين. و الصلاة و السلام على أشرف الأنبياء و المرسلين. و من
تبعهم بإحسان إلى يوم الدين.

قال رسول الله صلى الله عليه و السلام:
الراحمون يرحمهم الرحمن تبارك و تعالی ارحموا من فی الأرض
یرحمکم من فی السماء.

*“Orang-orang yang berkasihan belas, Tuhan al-Rahman menyayangi mereka,
sayangilah sesiapa yang berada di muka bumi, moga-moga menyayangi kamu
oleh sesiapa yang berada di langit.”*

Hadith ini merupakan tradisi yang dipelihara oleh para ulama yang memiliki sanad. Secara tradisinya, hadith ini perlu dibaca sebelum hadith-hadith lain diperdengarkan kepada para pelajar mereka. Dan, saya telah berjaya memperolehnya. Sebagai penghargaan dari aliran ini, saya membacakannya kepada para hadirin.

Sidang hadirin yang dirahmati Allah,

Selama ini kajian ilmu-ilmu yang tersimpan dalam khazanah umat Islam telah berjaya diketengah oleh Prof. Seyyed Hossein Nasr dan Prof. Muhammad Naquib al-Attas. Tetapi, penyelidikan yang dilakukan sendiri oleh pelajar pondok yang berjaya sepenuhnya di pondok masih belum ada. Semasa di pondok, saya telah memulakan penyelidikan atas inisiatif sendiri kira-kira pada tahun 1991. Minat ini bermula apabila saya membaca buku *Pengenalan Doktrin dan Kosmologi Islam* oleh Nasr. Terlintas di hati, jika Nasr berupaya mengemukakan tradisi Parsi ke peringkat

antarabangsa, mengapa pula tradisi ilmu-ilmu pondok kita tidak diangkat sedemikian rupa ???!! Beberapa tahun kemudian, baru saya mengenali tulisan al-‘Attas yang turut sama membina pemikirannya berdasarkan tradisi telah mengemukakan kajian tentang Hamzah Fansuri dan Nuruddin al-Raniri. Tulisan kedua-dua tokoh ini amat penting dalam dunia semasa dalam mengemukakan pandangan tradisi ilmu Islam. Namun, pada penelitian saya, masih ada yang belum disentuh kedua-duanya terutama perkembangan tradisi ilmu-ilmu Islam di pondok-pesantren yang mampu mempertahankan Islam sewaktu Alam Melayu sedang dilanda penjajahan oleh Portugis, Belanda dan Inggeris. Penjajahan tersebut sebenarnya tidak melanda semua penjuru Alam Melayu seperti yang diteliti oleh sejarawan Buyong Adil dan seperti Negeri Johor yang dikatakan tiada bukti penjajahan berjaya mendudukinya seperti yang dikemukakan oleh Dr. Abdul Jalil Borhan.

Adalah menarik disebutkan di sini, bahawa Nasr telah menyatakan, Asia Tenggara, Benua India, Turki dan Parsi masih tersimpan khazanah pemikiran yang belum digali sepenuhnya. Demikian beliau jelaskan dalam sebuah buku yang menghargai pemikirannya, *The Philosophy of Seyyed Hossein Nasr*.

I

Dalam syarahan ini, akan dikemukakan tiga ciri penting dalam pengajian tradisi iaitu tentang *Iman*, *Islam* dan *Ihsan*. Ketiga-tiga aspek ini pelengkap dasar *al-Din*. *Al-Din* ini merupakan ajaran wahyu yang diiktiraf oleh Allah Ta‘ala supaya disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Penakrifan *al-Din* pada tahap asas ini disebut dalam hadith yang amat terkenal yang diperdengarkan oleh Khalifatul Islam Sayyiduna ‘Umar bin al-Khattab. Dalam *Hidāyah al-‘Awwām*, Sheikh Jalāluddin al-’Āshiy menakrifkan bahawa, *Īmān itu mengi‘tiqadkan dalam hati bahawasanya Allah Ta‘ala ialah Tuhan yang sebenar-benar disembah manakala Islām itu menjunjung segala titah Allah dan titah Rasulullah s.a.w.*¹ Sheikh Ahmad al-Fatani telah menakrifkan *Ihsān* sebagai “berbuat baik dengan bahawa ikhlas oleh seseorang pada segala taatnya iaitu kita beribadat akan Allah Ta‘ala padahal seolah-olah kita melihatkan Dia. Maka tiada

¹Kitab ini masih dijadikan teks kuliah di pesantren-pondok di Alam Melayu. Boleh didapati dalam koleksi yang dibukukan oleh al-‘Ālim ‘Ismā‘il bin ‘Abd al-Mutallib al-’Āshiy yang berjudul *Jam‘ Jawāmi‘ al-Musannafāt* (Pulau Pinang: Maktabah wa Matba‘ah Dār al-Ma‘ārif), t.t.

patut bahawa berpaling kita kepada yang lainnya dengan batin atau zahir padahal mengetahui kita bahawasa Allah Ta'ala melihatkan kita".

Suka saya menarik perhatian kepada sebab hadith ini dilafazkan semula oleh Ibnu 'Umar r.a. Apabila suasana masyarakat pada masa itu telah berlaku penyelewengan dari segi pemahaman akibat kecenderungan kepada 'aqli secara berlebihan, dua orang tokoh penting dalam riwayat ini iaitu Yahya bin Ya'mar dan Humaid bin Abdul Rahman al-Himyari telah berusaha mencari sahabat nabi untuk meminta penjelasan terhadap apa yang berlaku dan bagaimana penyelesaiannya. Mereka berdua berjaya menemui Ibnu 'Umar r.a. dan, beliau menyatakan jika ditemui golongan yang mempertikaikan Qadar serta menganggap sesuatu hal itu berlaku begitu saja maka aku berlepaskan diri daripada mereka dan mereka tidak ada kena-mengena denganku. Demi menjelaskan pendiriannya, Ibnu 'Umar telah melafazkan hadith yang diceritakan oleh ayahnya yang menerangkan *al-Din* meliputi *Iman, Islam, Ihsan* dan tanda-tanda kiamat. Inilah sebahagian dasar *al-Din* yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Sesuai dengan keadaan pada masanya, para ulama Alam Melayu telah menfokuskan dalam penyelidikan dan penulisan kepada tiga aspek utama *al-Din* ini yang menggunakan nama usuluddin, fiqh dan tasawwuf. Sebab pertama, perlunya pemantapan dalam ketiga-tiga aspek ini kerana Alam Melayu [pada masa itu] masih rancak dalam proses pengislaman secara menyeluruh dan, faktor keduanya kerana memposisikan umat supaya berada dalam asas *al-Din* yang benar ketika Alam Melayu sedang dijajah oleh barat yang telah bermula pada tahun 1511. Saya cenderung melihat dua faktor ini kerana pengislaman dilakukan secara berperingkat-peringkat sesuai dengan pendakwaan Islamiah yang harus dilakukan dengan cara bijaksana. Bukan bermakna ilmu yang dimiliki oleh ulama Melayu rendah kerana cenderung kepada tiga aspek *al-Din* tersebut. Ini harus difahami baik-baik dalam sejarah perkembangan Islam di Alam Melayu. Faktor 'kawasan pinggir' yang diperkatakan oleh sarjana terhadap Asia Tenggara tidak boleh dijadikan hujah paling tepat dalam cepat atau lambat proses pengislaman kerana orang Arab dan Cina telah lama berdagang di rantau ini. Islam dibawa bersama dengan para pedagang.

Suka saya menarik perhatian para hadirin semua, bahawa *Iman, Islam* dan *Ihsan* yang juga sinonim dengan usuluddin, fiqh dan tasawwuf memiliki tahap-tahap yang tersendiri. Ketiga-tiganya memiliki tahap fardu 'ain dan juga tahap fardu kifayah. Fardu 'ain sedia diketahui adalah perlu diketahui oleh setiap orang Islam manakala fardu kifayah perlu dikuasai oleh sebahagian daripada umat Islam di sesebuah kawasan. Menurut kitab *Aqidah al-Najin*, ilmu dan kepakaran fardu kifayah perlu ada seorang paling kurang bagi setiap kawasan dua marhalah. Harus disedari, secara praktikalnya, seseorang manusia perlu menunaikan dua kewajipan tersebut untuk menjalani kehidupan sebagai khalifah di muka bumi. Cuma pembahagian ini harus dilihat dari segi *aulawiyat* (keutamaan). Dalam praktik ulama di Alam Melayu, mereka menggabungkan ketiga-tiga bidang ini seolah-olah berada dalam bentuk yang satu hingga pendekatan yang digunakan oleh Hujjatul Islam al-Ghazali amat sinonim dengan pengajian Islam di rantau ini. Ini jelas, apabila ketiga-tiga bidang ini disatukan dalam sesebuah kitab seperti *Sair al-Sālikīn* (tahun selesai tulis 1203/1789) dan banyak lagi. Ini merupakan satu intisari yang amat penting dalam mengenali pemikiran dan pengamalan tradisi di rantau ini.

II

Masih tentang rantau ini, saya cuba memaparkan beberapa penelitian penting yang amat jarang diketengahkan oleh mana-mana penyelidik Alam Melayu. Untuk mengenengahkan secara tepat memang sukar kerana tidak semua kitab dapat dibaca oleh kita dan sebahagiannya, hilang dalam khazanah. Namun begitu, peninjauan dapat dilakukan melalui penelitian terhadap tokoh-tokoh dan teks-teks yang amat berjasa dalam keIslaman di rantau ini.²

Sebagai seorang penyelidik di Alam Melayu, ada dua perkara penting perlu diambil kira. Pertama, teks-teks bertulis dalam bahasa Arab sama ada yang ditulis oleh orang-orang Arab atau oleh orang Melayu yang dirujuk. Kedua, teks-teks bertulis dalam bahasa Melayu dan bahasa rantau ini seperti bahasa Jawa dan seumpamanya. Saya

² Selain tulisan-tulisan saya, sila lihat juga tulisan-tulisan Ustaz Wan Mohd Shaghir Abdullah seperti *al-Ma'rifah* (jld.1&2); Vladimir Braginsky berjudul *The Heritage of Traditional Malay Literature*; Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning: Pesantren Dan Tarekat*; Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama*; Syed Naquib al-Attas, *Some Aspects of Sufism: As Understood and Practised Among the Malays*.

akan menumpukan kepada teks-teks tertentu sahaja kerana sebuah syarahan tidak akan dapat menampung semua maklumat untuk disampaikan.

Sebagai sebuah pusat perhentian, Alam Melayu menjadi tumpuan para pedagang Cina, Arab dan India. Islam telah dikatakan datang pada awal abad Hijrah lagi seperti yang dikemukakan oleh Thomas Arnold. Dengan kemudahan laluan perdagangan, umat Islam di rantau ini melakukan ibadah haji dan 'umrah. Salah satu aktiviti tambahan orang-orang dari Alam Melayu adalah belajar di Tanah Suci terutama selepas musim ibadah ini. Inilah bermulanya tekad dan keazaman mereka untuk mendidik diri dan, apabila ilmu penuh di dada, mereka akan kembali mengajarkannya pula di Alam Melayu. Sekali lagi ditegaskan syarahan ini akan mengutamakan apa yang ada dalam fikiran tokoh-tokoh melalui teks-teks yang ditulisnya. Bagi abad ke-18, 19 dan 20 adalah agak senang dikesan. Saya tidak menumpukan secara khusus pada mana-mana tempoh masa tetapi hanya penumpuan kepada penelitian isi teks-teks tersebut.

Awal sekali yang perlu saya perbaiki adalah tesis Ignaz Goldziher yang mengatakan kritikan Hujjatul Islam al-Ghazali terhadap falsafah punca kemunduran umat Islam. Tesis ini telah dijawab dengan pelbagai bukti oleh Prof. Roshdi Rashed (ahli sejarah dan falsafah sains Pusat Sains Perancis). (lihat jurnal *Islam & Science*, bil. 1, terbitan) Malah, setelah kritikan tersebut, pemikiran yang kreatif muncul dari dalaman tamadun Islam itu sendiri.

Teks-teks yang ditulis oleh Hujjatul Islam al-Ghazali amat rapat dengan perkembangan Islam di rantau ini seperti *Ihya 'Ulum al-Din* dan *Ayyuha al-Walad*. Ada juga sesetengah ulama Melayu memetik kitab *Mishkat al-Anwar*. Dalam pandangan tradisi pondok di peringkat tertinggi, beliau merupakan tokoh utama dalam pembinaan al-Hikmah al-Ishraqiyyah. Ini berdasarkan pendapat Tuan Guru Hj. Abdullah (yang sempat belajar di Tanah Suci dalam tahun 1950-an dan 1960-an) yang diterima daripada guru utama beliau yang terkenal dengan gelaran Pak Da 'Eil (iaitu Sheikh Ismail bin Abdul Qadir al-Fatani al-Makki. Prof. Emeritus Osman Bakar dan Sheikh Abdul Aziz al-Sairawan juga menganggap sedemikian. *Keishraqiyyan* Hujjatul Islam al-Ghazali dapat dilihat dengan lebih jelas setelah kesedaran beliau kepada 'kerohanian' sebagai cara terbaik dalam mencari kebenaran. Namun begitu,

bukan bermakna tulisan-tulisan beliau sebelum masa tersebut boleh diketepikan sama sekali.

Umat Islam di rantau ini turut menikmati pemikiran Ibnu ‘Arabi. Menurut Sheikh ‘Ubaid al-Sindi dalam kitabnya, *al-Tamhīd*, Ibnu ‘Arabi disebut sebagai *Imam al-Ishraqiyyin*. Ini mungkin fakta yang jarang diketahui oleh para penyelidik ilmu-ilmu Islam kerana selama ini Ibnu ‘Arabi dikaitkan dengan ‘*irfān* dan sufisme semata-mata. Penyelidikan tentang fikiran Ibnu ‘Arabi yang dikaitkan dengan Hamzah Fansuri telah dilakukan dengan baik oleh Prof. Muhammad Naquib al-Attas dalam *The Mysticism of Hamzah Fansuri (1970)*. Pada hemat saya, pangkat *al-Imam* kepada aliran Ishraqiyyah diberikan oleh al-Sindi kerana beliau memimpin aliran Ishraqi pada masa tersebut.

Sheikhul Islam Zakariya al-Ansari juga mempengaruhi pemikiran ulama di Alam Melayu. Kitabnya yang terkenal, seperti *Fath al-Rahman*. Kitab ini telah diterjemahkan oleh Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari.³ Selain karya fiqh yang bertajuk *al-Tahrir*, karya beliau dalam bidang usul fiqh yang dipakai sebagai teks sehingga kini di pondok-pesantren, adalah *Lubb al-Usul* dan syarahnya, *Ghayah al-Wusul*, turut memainkan peranan penting pembentukan pemikiran di Alam Melayu. Kitab *Lubb al-Usul* merupakan ringkasan isi penting karya gurunya, al-Muhaqqiq Jalaluddin al-Mahalli yang berjudul *Jam‘ al-Jawami‘*. Menurut tradisi, teks-teks ini dianggap ‘lautan tidak bertepi’ dan, jelas mengamalkan konsep ‘kesatuan dan kesepaduan ilmu’.

Salah seorang murid terkenal Sheikhul Islam Zakariya al-Ansari ialah Sheikhul Islam Ibnu Hajar al-Haitami al-Makki. Ibnu Hajar al-Haitami dikenali kerana kitab *Tuhfah al-Muhtaj Sharh Minhaj al-Talibin lil Imam al-Nawawi* dan beberapa buah lagi termasuk *al-Ta‘arruf*. *Tuhfah al-Muhtaj* telah mempengaruhi sebahagian besar **tata cara** pengamalan Islami di Alam Melayu berbanding al-Imam al-Ramli. Pendapat-pendapat tokoh ini dimasukkan dalam kitab-kitab Jawi yang membicarakan hukum-hakam.

³ Kitab ini telah diterbitkan semula dalam Wan Mohd Shaghir Abdullah (penyunting), *Hidayatus Salikin Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani*, jld. 2.

Selain itu, yang dapat saya tegaskan dalam syarahan ini, adalah peranan kitab *Tuhfah al-Mursalah* (selesai tulis 999H) karya Muhammad bin Fadlullah al-Burhanfuri (w.1029H/1620M) yang memperkenalkan **kosmologi martabat tujuh**. Kitab ini diterjemahkan oleh Sheikh Abdul Samad al-Falimbani.⁴ al-Mujaddid Abu al-‘Irfan al-Muhaddith al-Faqih Ibrahim al-Kurani pula telah menulis syarah ke atas *al-Tuhfah al-Mursalah* yang berjudul *Ithaf al-Zakiyy*. Menurut al-Mujaddid ini, kesalahfahaman terhadap kosmologi martabat tujuh boleh saja berlaku apabila menjauhkan diri dari jalan-jalan para pendahulu yang membangunkan pengetahuan Haqiqah dan pengetahuan ma‘rifah atas dasar al-Quran dan al-Hadith.

*“bahawa di antara buku-buku terkenal itu adalah sebuah karya ringkas yang berjudul al-Tuhfah al-Mursalah yang ditulis oleh sang ahli dengan bantuan Allah, Sheikh Muhammad bin Fadlullah al-Burhanfuri, semoga Tuhan Yang Maha Agung melindunginya. Beberapa orang di kalangan orang-orang Jawi (Alam Melayu) telah berkali-kali meminta saya yang faqir ini untuk menulis suatu penjelasan mengenainya guna menjernihkan persoalan-persoalan [yang di bahas dalam kitab tersebut] menurut dasar prinsip-prinsip agama, yang dibenarkan oleh Kitab Suci dan Sunnah Rasulullah s.a.w.”*⁵

Kosmologi martabat tujuh ini dibicarakan oleh para ulama Melayu dengan kecenderungan masing-masing. Antara kitab yang terkenal di Tanah Melayu yang mengulas kosmologi ini adalah kitab *Manhal al-Sāfi fi Bayān Ramz Ahli al-Sūfiy* karya al-‘Arif billah Daud al-Fatani⁶ dan *al-Durr al-Nafis fi Bayan Wahdat al-Af‘al wa al-Asma’ wa al-Sifat wa al-Dzat* (selesai tulis 1200/1785) karya al-‘Arif billah Muhammad Nafis al-Banjari.

⁴ Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (penyunting), *Hidayatus Salikin Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani*, jld. 2.

⁵ Lihat Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama*, hlm. 121. (Indonesia: Penerbit Mizan)

⁶ Diterbitkan semula dalam Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Manhalush Shafi Syeikh Daud al-Fathani: Membicarakan Rumus-Rumus Shufi Dan Istilah-Istilah Tasawwuf*, tahun 1992, terbitan Khazanah Fathaniyah KL.

Kita beralih pula kepada sebuah penelitian dari aspek lain. Sesuai dengan terbitnya buku terbaru saya yang di dalamnya mengandungi tulisan-tulisan para ulama terdahulu dan juga tulisan yang disumbangkan oleh beberapa pensyarah yang masih hidup - semoga Allah s.w.t. memberkati mereka. Buku ini bertajuk *Manifesto Intisari dan Rahsia dalam Pemikiran dan Pengamalan Islami* menerapkan konsep ‘kesatuan dan kesepaduan ilmu’. Apa yang tertulis dalam buku ini tidak saya huraikan di sini tetapi, dari sudut lain, ingin saya jelaskan satu tradisi yang cukup menarik untuk diperhatikan oleh para penyelidik. Jika Prof. Seyyed Hossein Nasr dalam pelbagai bukunya seperti *Traditional Islam in the Modern World* ada menyebutkan bahawa pelbagai aliran pemikiran saling mendekati antara satu sama lain.⁷ Saya telah menguji semula kenyataan beliau ini. Dan, apa yang dinyatakan oleh beliau jelas berlaku dalam tradisi keilmuan Islam antarabangsa. Saya telah mengenalpastikan, bahawa gagasan ‘kesatuan dan kesepaduan ilmu berhierarki’ terdapat dalam tradisi Sunni terutama dalam tradisi Shafi‘iyyah kita.

Kita perhatikan dulu kitab *Jam‘ al-Jawāmi‘* (*Himpunan Bagi Segala Karya Yang Menghimpun*) oleh Tājuddīn al-Subki (727/1327-771H/1370M). Pengarang kitab ini merupakan tokoh terkenal dalam mazhab Shafii. Kitab ini meliputi ringkasan isi-isi penting yang telah beliau sebut dalam syarah ke atas kitab *Mukhtasar Muntaha al-Sulfi ‘Ilmayil Usul wa al-Jadal* karya al-Faqih Ibnu al-Hajib al-Maliki (570/1174-646H/1249M) dan *Minhaj al-Wusul ila ‘Ilm al-Usul* karya al-Qadi al-Mufassir Nasiruddin al-Baidawi (w.685H/1286M).

Al-Subki sendiri menjelaskan bahawa kitabnya ini ditambahkan beberapa perbahasan. Kitab ini merangkumi perbahasan mukadimah-mukadimah, al-Kitab, al-Sunnah, al-Ijma‘, al-Qiyas dan al-Istidlal, pentarjihan, ijtihad, taqlid, adab fatwa, beberapa aspek ilmu kalam dan tasawwuf. Kitab ini telah disyarahkan oleh Jalaluddin al-Mahalli (791/1389-863H/1459M). pada zamannya, syarahnya ini ditulis untuk pemahaman secara mudah bagi penuntut awal. Mukadimah yang terawal disebutkan tentang *qadiyyah kuliyyah* (pernyataan universal). Pada pengamatan saya, apabila seseorang manusia mengeluarkan ungkapan atau kata-kata maka sebahagian besarnya

⁷ Lihat buku Nasr, hlm. 132 dan juga Mohd Zaidi Abdullah, *Nafas Baru Hikmah al-Isyraqi: Dari Estetika Menuju Fizika*, hlm. 130.

merupakan pernyataan (*qadiyyah*) selain daripada kata-kata yang melalut. Kerelevanan penghurai kitab ini mendahulukannya dalam mukadimahnyanya dengan bicara qadiyyah, adalah kerana, dalam dunia ‘ilmiyyah, hanya ungkapan yang memiliki ketepatan dan kebenaran sahaja diterima dan dibahaskan demi pengalihan ilmu-ilmu. Kitab *Sharh Jam al-Jawami*‘ dibantu oleh super komentar (*hashiyah*) seperti yang ditulis oleh al-Bannani, Sheikhul Azhar Hasan al-‘Attar dan Sheikhul Azhar ‘Abdul Rahman al-Shirbini. Pada hemat saya, *al-hashiyah* yang ditulis oleh al-‘Attar (seorang tokoh yang pernah berbincang dengan para ahli falsafah dan sains Perancis) adalah menarik, kerana ditulis pada tahun 1246H yakni setelah pasca pendudukan Perancis ke atas bumi Mesir.

Sheikhul Islam Zakariya al-Ansari (w.926H/1520M) didapati memahami dengan baik akan kitab *Jam‘ al-Jawami*‘ karya Sheikhul Islam Tajuddin al-Subki. Namun begitu, beliau berpendapat perlu kepada pemaparan pendapat-pendapat yang muktamad, jelas serta ditambahkan beberapa bicara yang baik. Untuk memenuhi tujuan ini, beliau telah meringkaskan *Jam‘ al-Jawami*‘ ke dalam bentuk mukhtasar atau ringkasan isi penting yang berjudul *Lubb al-Usul (Intisari Asas-Asas)*. Isi kandungannya hampir sama dengan teks asal. Sheikhul Islam Zakariya al-Ansari turut mempelajari kitab *Sharh Jam‘ al-Jawami*‘ karya Jalaluddin al-Mahalli daripada pengarangnya sendiri. Terbukti kemudiannya, *Lubb al-Usul* telah disyarahkannya semula dengan mengambil kira huraian gurunya, Jalaluddin al-Mahalli. Syarahnya ini bertajuk *Ghāyah al-Wusūl (selesai tulis 902H)*. Ini sebuah tradisi yang menarik diberikan perhatian oleh para penyelidik usul fiqh, usuluddin dan tasawwuf. Yakni dari segi mendekatkan kembali antara satu bidang dengan pelbagai bidang ilmu lain. Ini merupakan teks-teks dalam pengajian tradisi.

Sudah sampai masanya, saya memberitahu perkara yang merupakan **teras pemugaran semula ilmu-ilmu tradisi Islam dalam arus perdana dunia ilmiyyah**. Sheikhul Islam Zakariya al-Ansari sebenarnya memiliki para murid yang cemerlang. Antaranya, Sheikhul Islam Ibnu Hajar al-Haitami al-Makki (w.974H/1567M). Saya tidak akan berbicara tentang kitab fiqhnya. Tapi, kali ini, saya sebut karya yang kurang dikenali di kalangan para penyelidik moden dan, boleh dikategorikan sebagai

karya nadir. Karya beliau yang dimaksudkan adalah *al-Ta'arruf fi al-Aslain wa al-Tasawwuf* (*Perkenalan Tentang Usuluddin, Usul Fiqh dan Tasawwuf*). Adalah menarik perhatian saya, kitab ini dicetak berdasarkan naskah yang dimiliki oleh Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (ulama yang berasal dari Tanah Jawa yang bergiat aktif dalam bidang penulisan - 1285/1842-1385/1920). Sheikh Mahfuz ini memiliki ijazah sanad sampai kepada pengarang *al-Ta'arruf*. Kitab *al-Ta'arruf* ini juga telah dihuraikan dengan teliti oleh ulama Makkah dengan tajuk *al-Talattuf* (*Beradab Sopan*). Pengarangnya bernama Ibnu 'Allān al-Siddīqi al-Makki (pengarang kitab *Dalil al-Falihin* - 996/1588-1057H/1647M). *Al-Talattuf* selesai ditulis pada tahun 1052 Hijrah dalam bulan Rejab. Dalam kitab ini, perbahasan juga mengikuti tradisi *Jam' al-Jawami'* karya al-Subki dan karya Zakariya al-Ansari, *Ghayah al-Wusul*. Tapi, beliau memperkemaskinikan susunan ayat yang lebih mantap pada mukadimahnyanya dengan menyertakan penerangan epistemologi [mantiqi].

Sheikhul Islam Ibnu Hajar al-Haitami al-Makki berpendapat, dalil-dalil fiqh yang terdapat dalam usul fiqh manakala *furu'* (cabang)nya yang menjadi fiqh; kedua-duanya mesti memerlukan keterangan tentang *al-'ilm* (ilmu)⁸ kerana bagi ilmu (*al-'ilm*) itu melibatkan beberapa itlak (sebutan). Pengitlakan *al-'ilm* itu melibatkan tasawwur dan tasdiq. Tasawwur dan tasdiq melibatkan pancaindera, wujudan, khabar, eksperimen dan seumpamanya. Ini menunjukkan 'ikatan rapi' perbahasan ilmu-ilmu lain dengan sumber, hakikat dan falsafah ilmu itu sendiri, supaya kefahaman teralir dengan baik.

Bagi abad ke-19 Masehi, sering disebut oleh para penyelidik bahawa ketokohan dan keilmuan kebanyakannya berada di tangan Sheikh Abdul Samad Palembang, Sheikh Daud Fatani dan Sheikh Muhammad Arsyad Banjar. Abad ke-20 pula menyaksikan kemuncak peranan Sheikh Ahmad Zain al-Fatani dan Sheikh Ahmad Khatib Minangkabau. Hanya baru pada abad ini, perselisihan pendapat berlaku apabila golongan Saudi yang berpegang kepada ajaran Muhammad bin Abdul Wahhab yang berjaya menakluk sepenuhnya Makkah dan Madinah dan juga kempen Jamaluddin al-

⁸ Lihat dari sudut lain tentang *al-'ilm* dalam Mohd Zaidi Abdullah, *al-'Ilm, al-Maqulat dan al-Hikmah Dalam Pemikiran Ulama Melayu: Satu Penelitian Awal*, dalam Jurnal AFKAR, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam API UM.

Afghani, Muhammad Abduh dan Rashid Rida merebak ke Alam Melayu. Dan, dalam pada masa yang sama, pihak penjajah semakin garang di tanah jajahannya hingga kemenangan pihak berikat pada Perang Dunia Pertama dan Kedua. Boleh dikatakan inilah yang paling mencabar umat Islam apabila umat Islam tidak memiliki pimpinan yang mampu memimpin wilayahnya sendiri secara mutlak terutama setelah jatuhnya Khilafah Uthmaniyyah pada 1924 Masehi. Zaman mencabar dan tidak menentu ini telah menyaksikan pelbagai bentuk pemikiran untuk membangunkan semula umat dan tamadunnya. Namun, ia masih belum berjaya sepenuhnya sekalipun setelah wujud negara-bangsa kini. Secara ringkasnya, saya perlu sebut 'suasana politik' yang tidak menentu ini kerana ia sudah tentu mempengaruhi sedikit-sebanyak dan jatuh-bangun perkembangan ilmu semasa umat Islam.

Dalam pada masa yang sama juga harus diketahui, di barat telah berlaku 'anjakan paradigma' dalam bidang falsafah, sains dan teknologi. Ini dapat dilihat dalam sebuah kajian khusus tentang hal ini dalam *Struktur Revolusi Sains* oleh Thomas Kuhn (diterjemahkan oleh Shahrir Mohamad Zain, diterbitkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka). Ini harus diambil kira dalam penilaian pemikiran di kalangan umat Islam. Ada sesetengah penyelidik, menilai prestasi ilmu Islam dari kacamata Newtonian dan jelas Newtonian tidak dapat diterima lagi sebagai falsafah pemikiran yang sah sedangkan relativiti Einstein (dalam pengamatan saya mungkin dipengaruhi oleh kritikan Ernst Mach yang jelas menyatakan, dalam *History of Mechanics*, kebangkitan barat bermula setelah kejatuhan Konstantinopel pada tahun 857H/1453M) telah berjaya menukarkan pandangan manusia terhadap alam dari segi hubungan antara kejadian. Apatah lagi apabila mekanik kuantum telah dimantapkan oleh Max Planck, Schrodinger, Heisenberg dan lain-lain. Ini menunjukkan krisis berlaku dalam dunia pemikiran barat. Ini satu titik tolak penting yang mesti diambil kira dalam syarahan ini.

Dan, jelas sekali tokoh ilmuwan seperti al-Afghani dan Muhammad Abduh tidak merespons aspek-aspek yang berlaku dalam pemikiran sains dan falsafah di Barat secara mantap. Yang ada pun hanya pengkritikan beliau terhadap darwnisme materialisme. Suka saya memetik apa yang disebutkan oleh Prof. Osman Bakar dalam *Tawhid and Sciencenya*:

“Perspektif intelektual al-‘Attar sangat mirip dengan sarjana-sarjana muslim kini yang menyarankan pengislaman sains. Dia sangat fasih dengan falsafah Islam yang tentangnya dia menulis banyak huraian dan mahir dengan falsafah yang mendasari sains Barat. Tokoh utama abad ke-19 M. selanjutnya yang memperlihatkan sikap positif terhadap sains moden ialah Sayyid Jamaluddin al-Afghani, yang agak berbeza dengan al-‘Attar .. Meskipun al-Afghani juga mengetahui falsafah Islam yang dipelajari di Parsi dan cuba untuk menghidupkannya kembali di al-Azhar, dia tidak pernah menerima pendidikan secara formal dalam mana-mana sains tabii moden. Mungkin faktor inilah yang menjadi alasan utama kenapa kita gagal menemui penggunaan prinsip-prinsip falsafah Islam yang konkrit dalam diskusinya tentang sains moden.”

Apakah ‘alat pengukur’ untuk menilai ilmu-ilmu Islam itu maju atau tidak??!! Apakah ilmu-ilmu barat wajar dijadikan pengukur sedangkan anjakan paradigma dan mazhab-mazhab masih berlaku dalam tamadun mereka ??!! Untuk jalan selamat, kita umat Islam harus memiliki ‘alat pengukur’ sendiri tanpa semata-mata menjadikan ilmu barat sebagai alat pengukur. Barat sendiri pun sedang tersungkur sehingga sedang mengambil ajaran kerohanian dari Timur. Dan, ini cukup ‘laku’ di Amerika Syarikat.

Keadaan begini cukup meragukan saya apabila kebanyakan kajian yang menyatakan bahawa pemikiran tradisional perlu dibaiki dan disesuaikan dengan semasa sedang orang-orang barat semakin jelas berminat mengambil ajaran Timur dari segi kerohanian. Saya rasa inilah masanya kita menilai semula apa yang telah kita buat. Adakah kita benar-benar memahami tradisi kita sendiri atau para orientalis lebih mengetahui daripada kita ??!! Ataupun, kita menilai Islam menurut kecenderungan ilmu-ilmu Barat tanpa kita sedari ??!!

Tradisi kita yang paling penting adalah sanad. Sanad ini merupakan kesinambungan autoriti bagi wahyu (al-Quran, al-Hadith dan *ma‘lumat*). Penerimaan sanad yang bersambungan tanpa putus merupakan autoriti bagi pengajian ilmu-ilmu tradisi Islam di pondok-pesantren. Tokoh-tokoh dalam sanad tersebut sudah tentu ada yang berkarya. Jadi, penyelidikan karya-karya mereka akan memperlihatkan suatu kecenderungan-kecenderungan idea dalam tradisi sama ada dikritik atau dikembangkan. Penyelidikan saya mengambil kira aspek ini setakat yang terdaya.

Setakat ini, penyelidikan tentang Alam Melayu masih tidak menggambarkan aktiviti intelektual sebenar seperti yang berlaku pada zaman dahulu.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa pengajian Iman, Islam dan Ihsan tidak pernah mengeneipkan langsung pengajian mantiq⁹, falsafah termasuk hubungan antarabangsa¹⁰ dan kegiatan pertubuhan.¹¹ Dalam syarahan ini, saya menyebutkan bahawa pengajian Iman, Islam dan Ihsan sebagai teras. Jadi, semua orang kena mengetahuinya.

Sekali lagi, saya perlu memberitahu dari sudut sejarah, bahawa umat Islam buat pertama kalinya, telah dijajah pada tahun 1213H/1798M, apabila Napoleon Bonaparte (1769-1821) telah berjaya menduduki Mesir. Penjajahan ini telah mengubah sedikit-sebanyak bentuk dan tatacara keilmuan umat Islam. Dengan mengambil kira ilmu-ilmu teras sebagai penetapan posisi umat dalam suasana persekitaran yang sedang dihadapi seperti yang telah disebutkan, para ulamanya seperti Sheikh Hasan al-‘Attar telah berusaha bersungguh-sungguh mendalami setiap ilmu yang mampu dipelajarinya. Hingga beliau bermuzakarah dengan para ilmuwan Perancis yang berada di Mesir. Antara nama ilmuwan mereka ialah Gaspard (ahli matematik, 1746-1818), Berthollet (ahli kimia, 1748-1822) dan Fourier (ahli matematik-fizik, 1768-1830). Ketiga-tiga orang pakar sains [empirikal] ini turut menganggotai *Dīwan* (Jabatan Permesyuaratan) yang ditubuh *oleh* Perancis yang diketuai oleh Sheikhul Azhar ‘Abdullah bin Hijazi al-Sharqawi (1150/1737-1227H/1812M). al-Sharqawi ini amat rapat dengan pemikiran ulama pondok di Alam Melayu terutama menerusi kitabnya, *al-Sharqawi ‘ala al-Tahrir* dan *al-Sharqawi ‘ala al-Hudhudi*. Menurut Sheikhul Azhar al-Sharqawi, para ilmuwan yang datang bersama dengan Napoleon Bonaparte ialah para ahli falsafah liberal tabi‘i (*al-falāsifah ibāhiyyah tabā‘iyyah*). Harus diingati bahawa pusat sains dan teknologi dunia pada masa itu adalah terletak

⁹ Lihat Abd al-Samad al-Falimbani, *Zahrah al-Murid*, diterbitkan semula oleh Khazanah Fathaniyah, KL.

¹⁰ Hubungan Aceh dengan Uthmaniyyah yang berpusat di Turki dan hubungan Sheikh Ahmad Zain al-Fatani dengan Uthmaniyyah.

¹¹ Lihat Mohd Zaidi Abdullah (et al), *Manifesto Intisari dan Rahsia dalam Pemikiran dan Pengamalan Islami* (Shah Alam: Kurnia Ilham), 2006, makalah bertajuk “Pembangunan Islami Menurut Sheikh Mukhtār ‘Atārid Bogor”.

di Perancis. Ini bermakna ulama seperti Hasan al-‘Attar berjaya mendapatkan ilmu sains dan teknologi barat melalui sumber primer.

Perlu kita sedari bahawa, kitab-kitab yang dipelajari di pondok-pesantren adalah sebahagiannya disusun ketika bermula dan selepas pendudukan Perancis ke atas Mesir ini (yakni pasca 1213H/1798M), seperti:

1. *Hashiyah al-Dusuqi ‘ala Umm al-Barahin* (ditulis pada tahun kedua pendudukan Perancis)
2. *al-Hashiyah (super komentar) al-Kubra ‘ala Sharh al-Maqulat al-Sajā‘i* (selesai tulis 1234/1818)
3. *al-Hashiyah al-Kubra ‘ala Maqulat al-Sayyid al-Balidi* (selesai tulis 1234/1818)
4. *Tuhfah al-Murid ‘ala Jauharah al-Tauhid* (selesai tulis 1234H)
5. *Hashiyah al-‘Attar ‘ala Sharh Sheikh al-Islam Zakariya al-Ansari ‘ala Isaghuji* (selesai tulis 1236/1820)
6. *al-Hashiyah al-Sughra ‘ala Sharh al-Maqulat al-Sajā‘i* (selesai tulis 1242/1826)
7. *al-Hashiyah al-‘Attar ‘ala Sharh Jam‘ al-Jawami‘* (selesai tulis 1246) - sebuah kitab usul fiqh. Cara al-‘Attar membahaskan beberapa perkara termasuk pengetahuannya tentang sains eksperimen yang aktif dan penerjemahan buku sains Eropah ke dalam bahasa Turki dan Arab.

Sekali imbas, mungkin ditanggap karya-karya ini seperti mengulang. Tapi, menurut hemat saya, ulama yang menulis kitab-kitab seperti ini sebenarnya untuk memberikan arah dan posisi umat Islam ketika berhadapan dengan keberadaan sains materialisme barat yang dipelopori oleh Perancis.

Sesuai dengan keperluan pada zamannya, Sheikh Hasan al-‘Attar telah dilantik menjadi Sheikhu Azhar kira-kira pada tahun 1246 Hijrah. Pemikiran al-‘Attar telah saya sebutkan secara ringkas dalam buku *Nafas Baru Hikmah al-Isyraqi*. Setakat ini, saya hanya dapat memaparkan posisi secara umum tentang sikap ilmiah al-‘Attar yang ditulis oleh J.W. Livingston dalam sebuah makalah yang termuat dalam jurnal *Der Islam*. Dalam makalah ini, beliau menyatakan bahawa penulisan beliau (al-‘Attar) telah menamatkan era pemikiran tradisional yang berlatar-belakangkan prinsip kePtolemian-keAristotelan-keGalenan dengan mencuba menonjolkan kerangka dan

prinsip kekudusan al-Hikmah al-Ishraqiyyah dengan pencampuran perspektif keNewtonan (yang sesuai dalam bentuk coleskan) dan, ini merupakan percubaan yang amat terkehadapan yang telah berlaku dalam abad ke-19 Masehi. (lihat *Nafas Baru Hikmah al-Isyraqi*, hlm. 138) Sebenarnya saya masih kurang berpuashati dengan kenyataan ini. Perspektif keNewtonan itu lebih sesuai digantikan dengan perspektif Liebniz (1646-1716) yang lebih menghampiri ilmu kalam dengan teori *monadnya* walaupun perspektif *monadnya* agak berbeza sedikit. Atau, juga disebut kekudusan Ishraqi + Epicurus-Liebniz-Newton. Ini kerana Perancis dan Jerman lebih hampir kepada Liebniz berbanding Newton yang berada di Britain.

Dalam pada masa yang sama, patut disedari, bahawa Hasan al-‘Attar merupakan ulama kesayangan ulama Makkah kerana kagum keluasan ilmunya. Ini berdasarkan maklumat yang boleh didapati dalam *Imdād al-Fattāh bi Asānīd wa Marwiyyāt Sheikh ‘Abdil Fattāh Abī Ghuddah* yang disusun oleh Muhammad bin Abdullah Alu Rashid. Menurut kajian saya, ilmu-ilmu beliau tersalur antaranya berdasarkan sanad seperti disebutkan juga dalam *Nafas Baru Hikmah al-Isyraqi*, hlm. 141-142.

Dalam syarahan ini, pada kali ini, saya berkecenderungan untuk menyifatkan pemikiran Hasan al-‘Attar yang dapat ditinjau dalam karya-karya seperti *Hashiyah ‘ala Sharh Jam al-Jawami‘* (selesai tulis 1246 - kitab usul fiqh ini telah diteliti oleh Sheikh Muhammad Ali al-Maliki al-Makki yang merupakan seorang tokoh yang menjadi guru bagi ulama pondok di Alam Melayu). Hikmah al-Ishraqi yang asasnya terjejak dalam tulisan Hujjatul Islam al-Ghazali - seperti yang dinyatakan oleh Sheikhuna Tuan Guru Hj. Abdullah (Lubok Tapah) - yang cukup rapat dengan ilmu kalam terutama era pembaharuan al-Sanusi dan al-Laqqani dan juga cukup erat dengan pemikiran tasawwuf Sheikhul Islam Zakariya al-Ansari dan al-‘Arif billah Abd al-Wahhab al-Sha‘rani. Paling mudah sekali, saya sebut ia sebagai ‘sikap ilmiah (atau paradigma) penting’ dalam sejarah pemikiran Islam.

Dengan terlahir al-Hikmah al-Ishraqiyyah, membuktikan bahawa kritikan Hujjatul Islam al-Ghazali terhadap ahli falsafah telah melahirkan suatu kreativiti yang bermutu tinggi dan perlu kepada penelitian yang adil dan saksama, terutama penentuan bentuk atau paradigma pengukur yang patut dipilih.

III

Saya terbaca dalam beberapa buah buku tentang Islam di Alam Melayu mengatakan bahawa Islam di rantau ini bukan Islam murni. Ini satu penilaian yang tidak boleh diterima secara bulat-bulat. Ini merupakan kenyataan yang tergesa-gesa. Dalam penilaian saya, didapati 'ketidaktelusan' dalam memilih paradigma ketika sarjana-sarjana terbabit menilainya. Di sini saya akan menyebut beberapa contoh. Pertama, Islam di rantau ini didominasi oleh ajaran tasawwuf peringkat tinggi. Sarjana terbabit menyebutkannya sebagai tasawwuf falsafi. Dalam buku *Nafas Baru Hikmah al-Isyraqi: Dari Estetika Menuju Fizika* telah dijelaskan bahawa bukan tasawwuf falsafi tetapi patut disebut sebagai al-hikmah. Ini kerana al-Din itu sendiri bersifat harfiyyah dan maknawi. Ini dapat dibuktikan oleh hadith sahih, yang berbunyi:

بعثتُ بجوامع الكلم ... قال أبو عبد الله وبلغني أن جوامع الكلم أن الله
يجمع الأمور الكثيرة التي كانت تُكْتَبُ في الكتب قبله في الأمر
الواحد و الأمرين أو نحو ذلك .

Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Aku diutuskan dengan jawami' kalim (kata ringkas makna padat)."

Bagi memahamkan lagi makna hadith ini, Abu 'Abdillah telah berkata:

"Dan, telah sampai kepadaku, jawami' kalim itu bahawa Allah telah menghimpunkan perkara-perkara yang banyak yang termaktub dalam kitab-kitab sebelum al-Quran dalam sesuatu hal atau dua hal atau lebih daripada itu semua."

Kenyataan ini jelas memperkukuhkan apa jua pemikiran tinggi sama ada bercorak falsafah atau seumpamanya boleh berada dalam masyarakat Islam. Ilmu-ilmu

Yang penting, ia mesti disesuaikan dengan ajaran Islam. Jika Islam secara harfiyyah diperjuangkan maka ia tidak menepati kehendak Islam itu sendiri. Jadi, generasi yang mendahului kita telah cuba menikmati ciri khas wahyu yang diperturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Mana-mana pihak yang cuba memaksa sesebuah masyarakat Islam mengikuti Islam secara dalil zahir atau *harfiyyah* hanya akan memecah-belahkan umat ini sahaja.

Kita ikuti pula, apa yang dipaparkan oleh al-Mujaddid (tanpa khilaf) Imamuna Muhammad bin Idris al-Shafi‘i (w.204H) dalam kitabnya yang terkenal yang berjudul *al-Risalah*. Sebuah karya usul fiqh yang pertama disusun di atas muka bumi ini. Beliau memetik sebuah hadith yang dimuatkan dalam bab *Ijma‘*. Al-Mujaddid kita ini menyebutkan:

“Kami mengetahui bahawa apabila sunnah-sunnah Rasulullah s.a.w. tidak terlindung daripada majoriti manusia (yakni diketahui oleh majoriti umat) dan adakalanya, ia terlindung daripada sebahagian umat (yakni sebahagian umat sahaja tidak mengetahuinya). Kami mengetahui bahawa majoriti manusia tidak bersepakat atas hal-hal yang tidak mengikut sunnah Rasulullah dan atas hal-hal yang berlaku kesilapan, Insha Allah. Jika ditanya oleh seseorang: Adakah dalil yang dapat mendukung dan memperkukuhkan pernyataan ini ? [Dalilnya adalah sebuah riwayat yang dikhabarkan kepada kami oleh Sufyan bin ‘Uyainah yang diambilnya daripada Abdul Malik bin ‘Umair daripada ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd Allah bin Mas‘ud daripada ayahnya, bahawa Rasulullah s.a.w.:

“Allah akan mengurnikan kenikmatan kepada para hamba-Nya yang mendengar kata-kataku, lalu mengingatnya dan menjaganya dan kemudian menyebarkannya kepada orang yang tidak mendengarnya. Beberapa orang perawi boleh jadi tidak mengerti apa yang diriwayatkannya tetapi mereka telah dapat meriwayatkan kata-kataku kepada orang lain yang boleh memahaminya dengan lebih baik.”

Dengan hujah yang dikemukakan oleh Imām Shāfi‘i ini - bahawa *ijmā‘* mesti ada kerana nas mutawatir telah membuktikan bahawa tidak semua perawi memahami apa yang diriwayatkan jadi bagi mengelakkan tafsiran yang sewenang-wenangnya maka *ijmā‘* yang asalnya berdasarkan tafsiran para mujtahid dan kemudiannya, para mujtahid itu telah bersamaan dalam keputusan dalam memahami nas atau *qiyās* maka ia akan menjadi *ijmā‘*. Tulisan tokoh kesayangan kita ini telah saya ringkaskan dan, telah dimuatkan dalam buku *Manifesto Intisari Dan Rahsia dalam Pemikiran dan Pengamalan Islami* untuk tatapan umum. Semoga ilmu beliau membantu kita dalam pemahaman Islam sebenar.

Ketiga, hujah saya di sini adalah hadith-hadith hampir semuanya diriwayatkan secara makna kecuali hadith-hadith zikir-amali untuk ibadah. Para hadirin boleh buka kitab *Fath al-Bari*, jika diteliti betul-betul jelas kebanyakan hadith yang terkandung dalam Sahih al-Bukhari itu berbeza-beza lafaznya yang *Sahih al-Bukhari* yang dipakai pada hari ini merupakan hasil tahqiq Amirul Mukminin fi al-Hadith Ibnu Hajar al-‘Asqalani dan al-Hafiz al-Qastalani. Jika hadith-hadith kebanyakannya diriwayatkan secara makna maka sudah pasti tidak masuk akal untuk menyeru masyarakat Islam kembali kepada Islam secara harfiyyah. Secara warasnya, kita mesti ikut majoriti umat Islam sejak dahulu hingga sekarang bagi mengelak pemalsuan atau ikut suka hati dalam penafsiran Islam. Dan jelas sekali, kita ada panduan dalam hal ini. Allah s.w.t. telah mengurniakan kita dengan para ulama yang banyak berjasa yang meninggalkan kitab-kitab dalam pelbagai ilmu. Sebagai satu contoh, saya melihat al-Hikmah al-Ishraqiyyah yang saya tulis itu merupakan percubaan yang direstui oleh ajaran Islam ini.

Cukup buat masa ini dikemukakan tiga hujah ini. Saya menyimpulkan bahawa Islam itu harus dibaca secara harfiyyah menuju penghayatan secara maknawiyah. Tasawwuf peringkat tinggi yang dikatakan kononnya sebagai tasawwuf falsafi yang tidak murni itu adalah tidak tepat dan merupakan kenyataan tergesa-gesa yang tidak dibina atas ilmu yang bersepadu. Dakwaan tersebut mudah dipertikaikan.

Ajaran martabat tujuh yang saya sendiri kurang memahaminya kerana belum sampai kelayakan yang patut dipenuhi seperti yang disarankan oleh pengamalannya amat mengkagumkan kerana kejayaan umat Islam membina **asas kosmologi** yang menarik. Jelas sekali, martabat tujuh yang amat popular dalam kitab-kitab ulama Melayu tersebut terbina secara hierarki yang merangkumi alam fizikal hingga ke alam ketuhanan yang sukar dimengertikan. Para arif billah biasa menyebutkannya, sebagai kenal Allah s.w.t. dengan mata hati. Saya menyeru kita semua untuk membina paradigma Islam-Melayu dalam arus pemikiran kini. Yang tidak dimengerti, diserahkan saja kepada pakarnya.

Kedua, perkara yang dianggap Islam di Alam Melayu tidak murni adalah soal takwil yang berlaku di kalangan ulama khalaf. Ini sering didakwa oleh puak Wahhabiyyah.

Dalam kitab-kitab ulama khalaf sifat-sifat mutashabihah adalah ditakwilkan supaya mengelak kekeliruan orang ramai. Dan, sebenarnya ulama khalaf juga menerima cara salaf yang menyerahkan maksudnya kepada Allah s.w.t. Tetapi, bagi mengelak kekeliruan elok ditakwilkan. Dalam penelitian saya, didapati ada kitab yang menunjukkan ulama salaf pun menakwilkan sifat-sifat Allah seperti kitab *Daf'u Shubah al-Tashbih bi Akaff al-Tanzih* oleh Ibnu Jauzi al-Hanbali yang hidupnya lebih awal daripada Ibnu Taimiyyah. Pembelaan oleh al-Hafiz Ibnu 'Asakir akan Asha'irah melalui kitabnya *Tabyin Kazib* kerana ada golongan yang menuduh Asha'irah tidak betul. Sebenarnya apa yang didakwa oleh Wahhabiyyah merupakan pengulangan seperti yang berlaku pada zaman al-Hafiz Ibnu 'Asakir. Hal ini telah ditulis oleh ramai ulama. Cukup rasanya dirujuk sahaja isu ini kepada kitab *Mafahim Yajibu an Tusahhah* oleh al-Marhum al-Sheikh Sayyid Muhammad bin 'Alawi al-Maliki al-Makki yang mana buku ini disokong oleh tiga puluh tujuh ulama di peringkat dunia.

Cukuplah dua isu besar ini disebut dalam syarahan ini. Bagi memudahkan pengertian diperolehi untuk dimanfaatkan bersama-sama. Saya majukan beberapa pengamatan berupa operasi yang baik diketahui setelah dikaji daripada pelbagai sudut ilmu.

Carta Aliran
Operasi Jawami' al-Kalim

III

Tumpuan utama saya dalam syarahan ini adalah

- epistemologi mantiqi (termasuk psikologi-premis-kategori);
- usul fiqh, usuluddin dan tasawwuf [seperti yang dilahirkan oleh kitab *al-Talattuf*];
- maqulat (ada yang berpendapat ia berada dalam metafizik dan sebahagiannya pula mengatakan dalam mantiq) dan
- al-Hikmah al-Ishraqiyyah.

Al-Hikmah menfokuskan kajiannya tentang hakikat wujud-wujud menurut kadar faham manusia. Wujud alam minda, wujud alam model, wujud alam benda, wujud tingkah-laku, Wajib al-Wujud dan seumpamanya diambil kira dalam pengamatan saya. Menurut Tuan Guru Hj. Abdullah (Lubok Tapah), al-Hikmah al-Ishraqiyyah

menggunakan sumber *naqli* dan dikeranakan ini maka ia diterima mudah dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah. Apa yang dikatakan oleh Tuan Guru memang boleh dilihat dalam *Sharh Hikmah al-Ishraq* karya Qutbuddin al-Shirazi. Menurut Sheikh ‘Ubaidullah al-Sindi (salah seorang pengikut aliran al-Dahlawiyyah), Qutbuddin al-Shirazi (juga pengikut Ibnu ‘Arabi) merupakan penggabung antara aliran Mashasha’iyyin dan Ishraqiyyin. Pada peringkat ini ilmu-ilmu telah dijalinkan semula secara mantap hingga sukar dibezakan mana yang kalam dan mana yang falsafah dan mana yang tasawwuf peringkat tinggi.

Ketokohan Hujjatul Islam al-Ghazali dalam al-Hikmah al-Ishraqiyyah disepakati oleh Tuan Guru Hj. Abdullah, Prof Emeritus Osman Bakar dan Sheikh Abdul Aziz Sairawan. Menarik untuk diistilahkan adalah ungkapan Sheikh Abdul Aziz al-Sairawan tentang seluruh aktiviti akhir hayat Hujjatul Islam tersebut, beliau sebutkannya sebagai *ishraq al-ruhi wa al-‘aqli*. Ini amat sesuai dengan Islam itu sendiri yang memaklumkan manusia itu dikurniakan *ruh* barulah ia sedar diri sebagai seorang manusia dan aqli murni bagi memantapkan pemahamannya yang disertai pengamalan yang tulus yang memurnikan sebuah kehidupan yang berliku-liku dan penuh pancaroba.

Tradisi ini merupakan paradigma saya dalam membangunkan diri dalam arus semasa pada hari ini. Tradisi ini mampu mengukuhkan jati diri dan mendorong kreativiti. Tradisi ini ada aspek yang ‘tetap’ yakni tidak boleh diubah dan ada juga aspek berubah menurut keadaan.

Pada zaman kita sekarang, pelbagai fahaman dan pendekatan dikemukakan. Ada yang baik dan ada yang kurang enak didengar. Islam liberal contohnya dikemukakan bagi menyelesaikan tuntutan PBB mungkin. Jauh sebelumnya, sekularisme dipegang di barat hingga mengusik keharmonian di dunia Islam. Saya rasa tidak ramai yang sudi pada hari ini melabelkan dirinya dengan sekularisme. Justeru, diciptakan istilah-istilah yang menggantikannya dengan pelbagai seperti Islam Liberal, Islam Rasional dan lain-lain. Dalam bidang sains teori pula, aspek intuisi semakin berperanan dalam pembinaan teori dan formula sains. Buktinya, $e=mc^2$ Einstein tidak pernah dapat dibuktikan melalui eksperimen. Fritjof Capra juga telah mendedahkan unsur ‘gerak hati’ yang telah melahirkan teori kerelatifan Einstein, teori mekanik kuantum Bohr,

teori medan kuantum Feynman dan teori S-matrik Chew.¹² Keempat teori ini berjaya memperoleh hadiah Nobel Prize Winner in Physics. Ini menunjukkan fizik bukan semata-mata eksperimen tetapi perlu diperkayakan dengan ‘gerak hati’.

Pada hari ini, dalam dunia keilmuan, dibahagikan kepada dua iaitu sains sosial dan sains tulen. Secara umumnya *al-Din* yang bernama Islam ini merangkumi kedua-duanya. Bagaimana untuk menghubungkan kedua-dua dalam acuan *al-Din* ? Ini persoalan yang utama. Sains sosial dan sains tulen yang ada pada hari ini penuh dengan asas falsafah materialisme positivistik, sekularisme dan seumpamanya. Ada pihak mencadangkan islamisasi ilmu. Islamisasi Ilmu telah berjalan dengan baik namun ada pasang-surutnya. Nampaknya, pada hari ini, dalam wacana arus perdana ia masih belum ‘laku’ dan belum mempengaruhi Malaysia.

Ishraq ruh wa ‘aqli (pencerahan ruh dan akal) melalui wahyu adalah penyelesaian terbaik. Ini merupakan pendekatan yang boleh memperkayakan program Islamisasi Ilmu serta membuahkkan tamadun Islam dalam dunia serba canggih ini. Pendekatan ini mementingkan penghierarkian atau pemartabatan ilmu-ilmu - dari yang tinggi hingga ke tahap rendah. Empat sumber ilmu yang terakui dalam Islam adalah akal, pancaindera, khabar yang benar dan ilham. Keempat-empat inilah yang telah memperkasakan tamadun Islam yang lalu. (lihat *Manifesto Intisari dan Rahsia dalam Pemikiran dan Pengamalan Islami*)

Keempat-empat sumber ini sedang dalam perhatian pakar sains kini bagi memahami fenomena alam dengan lebih baik. Jadi, seharusnya kita memperkemaskinikan kajian tentang hal ini. Para ilmuwan Islam perlu membina semua pengajaran bermula dengan asas epistemologi ini supaya para pelajar tahu dari mana ilmu itu muncul. Apabila ‘sesuatu’ menjadi satu bidang ilmu maka boleh diketahui di mana kesilapan dan ketepatan akan bermula dalam sesuatu bidang ilmu.

Misalnya, pada hemat saya, falsafah Newton silap mengatakan bahawa masa dan ruang adalah mutlak kerana kegapohan ilmu yang dimilikinya kerana tidak

¹² Lihat *Nafas Baru Hikmah al-Isyraqi*, hlm. 6.

mengambil kira kelemahan akal dan pancaindera dalam menilai sesuatu. Falsafah Newton ini kini dianggap tidak relevan apabila kerelatifan ditemui oleh Albert Einstein. Menurut ilmu kalam, masa adalah *amr i'tibari* (tilikan akal) melalui hubungan dua peristiwa atau lebih. Bukan suatu wujud yang tersendiri. Ia ada kena-mengena dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku. Yang paling terang sekali, kita sebagai pemerhati sudah tentu berperanan juga dalam penilaian.

Penilaian kita ini sudah tentu merangkumi pelbagai perkara termasuk apa yang dibincangkan dalam sains sosial. Orang Islam memiliki wahyu yang merupakan hasil pengamalan sumber ilmu 'khabar yang benar' telah mempunyai dasar yang kukuh untuk berpegang. Dan, dengannya dijadikan pedoman dalam penilaian. Tanpa wahyu, manusia tidak kenal apa itu erti wahyu, apa itu dosa dan pahala, apa itu kebenaran hakiki, apa itu martabat kebenaran, semua makhluk berhajat kepada-Nya dan lain-lain.

Saya terbaca, seperti yang disebutkan oleh Jurgen Habermas, yang memusatkan pengakliannya (atau pengrasionalannya) kepada 'Aku' sebagai hakikat utama. 'Aku' ini merupakan hakikat yang tidak dapat diabaikan dalam teras rasional falsafah tulen. Ada yang menggambarkan 'Aku' yang disebutkan ini adalah Tuhan sekalipun sifat-sifat yang ditanggapinya adalah tidak sama dengan Allah s.w.t. dalam wahyu Islam.

Sains tulen dan sains sosial telah mengenyepikan 'Aku' dalam asas pembentukan kedua-duanya. Para pakarnya selalu mengubungkannya hanya pada 'manusia'. Manusia sebagai pusat ilmu. Difahaman faham evolusi sedikit-sebanyak mempengaruhi penerangan aktiviti sosial manusia. Inilah kesilapan. Semua sedia maklum bahawa manusia itu sering buat silap dalam perkiraannya.

'Aku' yang diterima dalam Islam adalah hasil pemahaman terhadap wahyu yang mutawatir secara maknawi yang diterima melalui sumber 'khabar yang benar'. Pemusatan segala ilmu adalah tertumpu kepada Maha Mengetahui dan Maha Kuasa yang juga merupakan nama kepada Aku iaitu Allah s.w.t.

Dalam ajaran tradisi, wujud terbahagi kepada dua. Pertama wajib al-wujud dan keduanya, mungkin al-wujud. Kita dan ilmu kita adalah mungkin kerana diri kita juga

secara berkemungkinan, adakala ada dan adakala tidak. Begitu juga ilmu, adakala 'ada' dan 'datang' dan, adakala 'tiada', 'hilang' dan 'lupa'.

Pada hari ini, kita perlu sentiasa mengambil perhatian apa yang mungkin ini. Apa yang bakal berlaku adalah serba mungkin. Apa yang mungkin ini selalu dicari oleh akal akan sebab dan akibatnya. Dalam tradisi ilmu usuluddin, sebab ditambatkan dengan akibat kerana ia adalah pemahaman akan 'rangkaian peristiwa' seperti ditambatkan panas dengan sebab adanya api. Inilah yang mesti diketahui. Bukan bermakna kita abaikan terus sebab dan akibat. Ahli Sunnah Wal Jamaah terima sebab dan akibat tetapi dalam status yang tertentu dalam martabatnya di bawah kuasa Tuhan.

Kita boleh mengkaji sebab dan akibat kerana keupayaan kita. Inilah yang menjadi 'atur cara' dalam pembangunan sains sosial dan sains tulen yang diislamisasikan. Adakalanya sebab yang difahami tidak tunggal seperti masalah akhlak timbul (**mungkin**) bersebabkan tiada ilmu akhlaq atau bersebabkan kawan atau bersebabkan 'suka-suka'. Inilah menunjukkan tidak dapat diramalkan '*unpredictable*'. Cuma adakalanya 'kemungkinan' ramalan yang difahami oleh akal tepat menurut sunnatullah.

Sebelum menyudahi syarahan ini, ingin saya sebutkan bahawa sintesis **Ishraqiyyah-Tauhid+Liebniz-Newton-Einstein-Kuantuman** perlu diperkasakan bagi memantapkan keilmuan semua umat Islam dalam melihat alam semesta dan, pemerksaan dalam bidang sains sosial pula berdasarkan sintesis **Ishraqiyyah-Tauhid-Usul fiqh-Fiqh-Tasawwuf**.

Akhirnya, sekali saya berpesan kajilah tradisi kita menurut pengamatan yang luas. Ada banyak aspek dalam ilmu-ilmu teras Islam yang boleh dikembangkan menjadi lebih baik untuk menghadapi arus semasa yang semakin mencabar jati diri umat Islam. Sekian. Wallahu a'lam.

sila lawati juga:

www.ilhamkanku.com.my